



PUSAT HUBUNGAN & JARINGAN INDUSTRI (CiRNeT)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN LATIHAN INDUSTRI DI LUAR NEGARA

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pelajar, fakulti serta pentadbir yang menguruskan Permohonan Bantuan Kewangan Latihan Industri di Luar Negara dengan menggunakan Akaun Amanah Latihan Industri (6223800).

2.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 2.1 Isi serta lengkapkan borang *Application for Study Abroad (Outbound)*, UPM/ID/SAOUT/BR01 daripada Bahagian Antarabangsa, UPM.
- 2.2 Sediakan semua lampiran yang diperlukan berdasarkan senarai semak pada borang tersebut.
- 2.3 Serahkan kepada Unit/Bahagian Akademik Fakulti masing-masing.

3.0 TANGGUNGJAWAB FAKULTI

- 3.1 Terima borang permohonan daripada pelajar.
- 3.2 Sediakan senarai permohonan.
- 3.3 Semak kelayakan pemohon-pemohon berdasarkan syarat yang ditetapkan.
- 3.4 Semak kuota tahunan fakulti untuk Latihan Industri di Luar Negara.
- 3.5 Uruskan sesi temuduga (sekiranya perlu).
- 3.6 Hantar senarai serta borang permohonan pelajar yang dicadangkan oleh pihak fakulti ke Bahagian Antarabangsa UPM.

- 3.7 Tarikh terakhir untuk menghantar senarai serta borang permohonan pelajar tersebut adalah;
- i) Bagi pelajar yang perlu menjalani Latihan Industri pada semester pertama sesi;
 - Selewat-lewatnya minggu ke 6 semester sebelumnya.
 - ii) Bagi pelajar yang perlu menjalani Latihan Industri pada semester kedua sesi;
 - Selewat-lewatnya minggu ke 6 semester sebelumnya.
 - iii) Bagi pelajar yang perlu menjalani Latihan Industri pada cuti semester ;
 - Selewat-lewatnya minggu ke 4 semester sebelumnya.

4.0 TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN ANTARABANGSA UPM

- 4.1 Terima senarai serta borang permohonan pelajar daripada Fakulti.
- 4.2 Majukan permohonan tersebut kepada Pengarah, Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat).
- 4.3 Bawa permohonan yang telah disahkan Bantuan/Pinjaman Kewangan oleh Pengarah CiRNeT ke Mesyuarat Jawatankuasa Mobiliti UPM.

5.0 TANGGUNGJAWAB PUSAT HUBUNGAN DAN JARINGAN INDUSTRI (CIRNET)

- 5.1 Terima senarai serta borang permohonan pelajar daripada Bahagian Antarabangsa.
- 5.2 Semak kecukupan borang.
- 5.3 Bawa dan bentang dalam Mesyuarat Pemegang Amanah, Akaun Amanah Latihan Industri (6223800).
- 5.4 Dapatkan pengesahan Pemegang Amanah.
- 5.5 Majukan kepada Bahagian Antarabangsa untuk di bentangkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Mobiliti UPM.

6.0 KUOTA TAHUNAN FAKULTI

- 6.1 Bilangan pelajar yang diberi bantuan kewangan untuk menjalani Latihan Industri di Luar Negara adalah seramai tiga (3) orang bagi setiap fakulti.
- 6.2 Latihan Industri yang termasuk didalam Memorandum Persefahaman atau Perjanjian (MoU/MoA) seperti HELP Canada dan Dagam Farm, Korea atau lain-lain tidak diambil kira dalam bilangan Kuota Tahunan Fakulti.

Permohonan ini hendaklah dimajukan terus kepada Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) untuk pertimbangan.

7.0 KUOTA NEGARA TEMPAT LATIHAN INDUSTRI

- 7.1 Bagi menggalakkan pelajar UPM pergi ke pelbagai negara dalam satu-satu tahun, maksima tiga (3) orang pelajar UPM sahaja di dibenarkan untuk menjalani Latihan Industri disesebuah negara, dalam satu tahun.

8.0 TEMPAT LATIHAN INDUSTRI

- 8.1 Pelajar diwajibkan untuk mendapatkan latihan industri di syarikat-syarikat atau industri di luar negara.
- 8.2 Pelajar perlu mendapatkan Surat Tawaran Penempatan/Penerimaan daripada syarikat/industri tersebut.
- 8.3 Latihan Industri di Universiti/Institusi adalah tidak dibenarkan; kecuali Universiti/Institusi tersebut bertindak sebagai penyelaras untuk menghantar pelajar-pelajar ke syarikat/industri yang mempunyai jaringan dengan Universiti/Institusi tersebut.

9.0 SYARAT-SYARAT PEMOHON

- 9.1 Pelajar mestilah;
 - i) Mendapat PNGK/CGPA sekurang-kurangnya **3.00** pada semester terkini dan berstatus "**BAIK**".
 - ii) Tidak mempunyai sebarang kes tindakan tata-tertib.
 - iii) Pelajar menunjukkan kesungguhan dan pengetahuan untuk mewakili UPM dan Malaysia ke peringkat antarabangsa.

- iv) Mendapat tawaran tempat penempatan/penerimaan untuk menjalani latihan industri daripada syarikat/industri luar negara.
- v) Sekiranya permohonan melebihi tiga (3) orang daripada sesebuah fakulti, keutamaan akan diberikan kepada;
 - (a) pelajar yang mendapat penempatan di syarikat/industri yang mempunyai reputasi tinggi.
 - (b) Pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

10.0 KADAR BANTUAN KEWANGAN

10.1 Kadar Bantuan Kewangan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikuatkuasakan oleh Bendahari UPM, iaitu seperti berikut;

BENUA	JANGKA PENDEK (5 MINGGU KEBAWAH)	JANGKA PANJANG (5 MINGGU HINGGA 1 SEMESTER)		
		TIKET PENERBANGAN/ PENGANGKUTAN (MAKSIMUM)	ELAUN MAKAN	
			1 BULAN (MINIMUM)	4 BULAN (MAKSIMUM)
ASIA TENGGARA Cambodia, Laos, Mynmar, Thailand, Vietnam, Filipina, Indonesia, Timur Leste. <u>KECUALI :</u> Brunei dan Singapura	RM 500.00	RM 800.00	RM 500.00	RM 2,000.00
ASIA Semua negara Asia termasuk Singapura dan Brunei.	RM 1,000.00	RM 1,500.00	RM 750.00	RM 3,000.00
Eropah, Amerika Utara, Amerika Selatan, Afrika, Asia Pasifik, Turki dan Rusia.	RM 1,500.00	RM 3,000.00	RM 1,000.00	RM 4,000.00

- i) Sekiranya harga tiket kapal terbang melebihi daripada kadar maksimum yang ditetapkan maka pelajar dikehendaki membayar lebih harga tiket tersebut.
 - ii) Tiket mestilah daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atau Lapangan Terbang Bintulu/Kuching bagi pelajar UPM Kampus Bintulu.
- 10.2 Pelajar boleh mendapatkan bantuan kakitangan Bahagian Antarabangsa untuk tempahan tiket kapal terbang.

11.0 BAYARAN BALIK

- 11.1 Pelajar tidak dikenakan bayaran balik sekiranya menamatkan Latihan Industri dalam tempoh yang ditetapkan.

12.0 TEMPOH LATIHAN INDUSTRI

- 12.1 Tempoh pelajar menjalani Latihan Industri adalah berdasarkan;
- i) kurikulum yang telah ditetapkan seperti didalam program pengajian.
 - ii) Tempoh yang dipersetujui oleh fakulti.

13.0 LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

- 13.1 Pelajar dikehendaki menghantar satu (1) salinan Laporan Latihan Industri yang telah disahkan oleh Fakulti kepada CIRNET untuk tujuan perekodan dan rujukan pelajar-pelajar lain.